


TEKA SILANGKATA MODUL 3: BANTU MULA

UNIT BERUNIFORM SMK DATUK PETER MOJUNTIN

KADET BOMBA DAN PENYELAMAT & PERSATUAN BULAN SABIT MERAH

TEMPOH : 1 MINGGU (14 OGOS 2021 - 20 OGOS 2021)

***semua penyertaan akan mendapat amalan baik. 2 penyertaan dengan markah tertinggi akan mendapat T-shirt eksklusif Unit Kokurikulum SMK DPM. Selamat menjawab!**



Melintang

4. Bagi kecederaan melecur, langkah pertama ialah siram kawasan melecur di bawah _____ air selama lebih kurang 15 minit.
5. CPR ialah bantuan awal bagi memulihkan mangsa yang terhenti _____ dengan menggunakan teknik tekanan di atas dada dan bantuan hembusan pernafasan (mulut ke mulut)
7. Bahagian yang _____ seeloknya ditinggikan lebih tinggi dari paras jantung dan otak.
8. Kecederaan terbakar ialah kerosakan kepada sebahagian _____ akibat haba, radiasi atau bahan kimia.
11. Semasa bantu mula kita perlu menenangkan mangsa, mengurangkan _____ kecederaan dan pendarahan pada mangsa.
12. Kain anduh juga digunakan untuk _____ bahagian yang cedera atau patah.
13. Sebelum menjalankan kaedah CPR, mangsa dan penyelamat hendaklah berada di _____ yang betul.
14. Alat yang sesuai untuk membalut kawasan yang cedera ialah kain _____.
15. Sekiranya mangsa _____, periksa pernafasan dan nadinya. Lakukan CPR sekiranya nadi dan pernafasan terhenti.
16. Lemas adalah keadaan yang berlaku apabila _____ terhalang daripada memasuki saluran pernafasan akibat tenggelam di dalam air.

Ke Bawah

1. Tanda-tanda mangsa mengalami kecederaan _____ ialah sukar/ tidak dapat bergerak atau mengangkat bahagian tercedera.
2. Bantu mula ialah bantuan permulaan pertama yang diberikan kepada mangsa yang tercedera sebelum ketibaan _____.
3. Basuh tangan menggunakan pencuci tangan setelah selesai _____ luka.
6. 999 ialah talian _____ Malaysia.
9. Kekurangan oksigen dalam darah boleh mengakibatkan _____ tisu dan mati otak.
10. Untuk luka kecil, bersihkan luka dengan larutan _____ terlebih dahulu sebelum dibalut.